

Calon PhD dianugerahkan Tokoh Belia Asean 2019

SUMBANGANNYA dalam aktiviti kesukarelawanan dan sifat kepimpinan sebagai belia khususnya yang mula terserlah sejak zaman persekolahan ternyata semakin mendapat perhatian dan pengiktirafan.

Terbaharu, calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Dailami Daniel Mat Nor, 28, telah dianugerahkan Tokoh Belia Asean 2019 (ASEAN Youth Award 2019) sempena Mesyuarat Hari Belia Asean ke-23 (23rd ASEAN Youth Day Meeting (AYDM)) yang berlangsung pada 19 Julai lalu di Vientiane, Laos.

Anugerah bagi mengiktiraf sumbangan cemerlang belia ASEAN terhadap pembangunan komuniti secara holistik itu disampaikan

Setiausaha Agung Kesatuan Belia Laos, H.E Alounxay Soumalath dan turut dihadiri wakil Kedutaan Besar Malaysia di Laos serta Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Pembangunan Belia, Kementerian Belia & Sukan Malaysia (KBS), Dr. Zainah Shariff.

Pada Mei lalu, anak muda kelahiran Terengganu ini telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Belia Negara 2019 bagi Kategori Emas Remaja Perdana yang disampaikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Anugerah ini adalah untuk menggalakkan lebih banyak pencapaian dalam kalangan belia ASEAN," katanya kepada *Kampus Uols* di samping turut menjadikan anugerah diterima sebagai motivasi untuk memperingkatkan dan

menggalakkan pembabitannya dalam aktiviti dan menyumbang bakti terutama dalam pembangunan belia Malaysia.

Mengakui dirinya hampir putus asa selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak seperti diharapkan, Dailami kembali bersemangat apabila memperoleh biasiswa penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk menyambung pengajian peringkat asasi.

"Pencapaian terbaik saya adalah semasa UPSR apabila dapat keputusan 5A. Selepas itu, saya tak pernah dapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Malah, keputusan SPM hanya dapat 4A sehingga membuatkan saya hampir putus asa.

"Alhamdulillah, saya dapat biasiswa penuh daripada MARA untuk sambung pengajian di peringkat asasi. Kemudian, selepas menamatkan ijazah pertama, saya dapat pula Biasiswa Tun Rahah (Yayasan Cemerlang) untuk sambung peringkat Master," kata alumni Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Besut, Kolej MARA Kulim dan UnikL MIMET ini yang pernah menjadi rakyat Malaysia pertama diiktiraf sebagai *Chartered Manager* oleh *Chartered Management Institute, United Kingdom 2018* dan *1Malaysia Entrepreneur Program (1MET) Top Performer, Kementerian Kewangan Malaysia 2017*.



DAILAMI menunjukkan siji dan plak Anugerah Tokoh Belia ASEAN 2019 yang diterimanya.



BERSAMA calon-calon finalis Anugerah Tokoh Belia ASEAN 2019 yang mewakili negara masing-masing.

Pencapaian & Penghargaan

- 2019** - Tokoh Belia ASEAN 2019
- 2019** - Anugerah Perdana Belia Negara
- 2018** - Diiktiraf sebagai Chartered Manager oleh Chartered Management Institute, United Kingdom
- 2018** - Tun Rahah Scholarship Award
- 2017** - 1Malaysia Entrepreneur Program (1MET) Top Performer, Kementerian Kewangan Malaysia
- 2016** - Anugerah Nadi Negara